

07/02/1999

Ahli Barisan Nasional tidak terpengaruh

ullah

PENULISAN buku politik semasa yang bercambah di pasaran tidak dapat mempengaruhi ahli Barisan Nasional dan rakyat dalam mengamati rentak tari politik tanah air.

Bagaimanapun, apa yang menjadi masalah kepada parti ialah kecenderungan pemimpin tertentu yang mahukan dirinya terkenal sanggup mengupah penulis menghasilkan buku mengenai kebaikan dirinya, Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Sabbaruddin Chik.

"Kalau pemimpin itu hendak memburukkan seseorang pemimpin lain, dia sanggup mengupah penulis untuk menulis perkara yang buruk terhadap pemimpin itu."

"Taktik sedemikian biasanya dilakukan pemimpin yang mempunyai cita-cita besar dalam kerjaya politik mereka," katanya.

Walaupun ada ahli BN yang terpengaruh dengan analisis sesetengah penulis, kebanyakan ahli dan pembaca sudah dapat menduga corak penulisan dan kecenderungannya terhadap pemimpin tertentu, katanya.

Menurutnya, kebanyakan buku politik semasa diterbitkan ketika menjelang pemilihan pucuk pimpinan di Perhimpunan Agung Umno sama ada untuk menaikkan atau menjatuhkan seseorang pemimpin.

"Ada juga buku yang boleh memusnahkan karier politik seseorang pemimpin. Bagaimanapun, bukan semua buku politik mengandungi unsur fitnah, malah ada juga buku yang menyampaikan maklumat yang betul."

"Kadangkala ada pemimpin yang tidak terdaya mempertahankan dirinya sekiranya sentiasa difitnah dan dicemuh. Tetapi kalau betul-betul dia melakukannya, maka jalan yang sebaik mungkin untuk menyelesaikannya ialah dengan meletak jawatan.

"Cara sedemikian dapat menjaga imejnya dan dapat menjadikan parti kuat dan disegani parti politik lain," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kebudayaan dan Pelancongan berkata, beliau hanya sempat menatap sepintas lalu saja buku politik kerana ia terlalu banyak di pasaran.

Antara buku yang digemari Sabbaruddin ialah Dr Mahathir - Menangis Demi Bangsa oleh Mokhtar Petah yang dianggapnya baik dari segi fakta dan kupasan kepemimpinan Perdana Menteri.

Beliau berkata, ada kalanya cerita yang dibaca ditokok tambah daripada cerita asal oleh pembaca kepada pihak ketiga yang malangnya terpengaruh pula dengan cerita yang disampaikan.

Tokoh wartawan, Tan Sri Abdul Samad Ismail, berasa kebanyakan pemimpin Umno tidak begitu menghiraukan sangat kemunculan beraneka buku politik semasa di pasaran.

"Pemimpin Umno lebih bertolak-ansur dan menganggapnya sebagai lumrah kerana setiap kali perhimpunan Agung Umno, ada saja buku baru diterbitkan."

Abdul Samad menganggap pembaca umum yang mempercayai 100 peratus fakta yang dimuatkan dalam buku politik semasa sebagai mereka yang mempunyai mentaliti malas berfikir.

"Orang seperti ini suka mengejek dan berbual mengenai politik, tetapi bukan sebagai wadah perjuangan politik negara," katanya.

Bagaimanapun, Syed Hussein Al-Attas berpendapat pemimpin parti politik terutama Umno wajar membaca buku politik semasa untuk mengetahui pandangan yang berbeza daripada pemerhati politik.

"Seorang pemimpin politik mestilah banyak baca buku termasuk buku